

29 JUN 2000

OIC-Buku /I

DUA BUKU DR MAHATHIR DITERJEMAHKAN KE BAHASA ARAB

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Sebuah syarikat penerbitan Sudan telah membukukan artikel-artikel daripada dua buah buku yang tulis oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad - "A New Deal For Asia" dan "A Way Forward" dalam bahasa Arab.

Pengarah Perkhidmatan Media Ash-Shahid International, Dr Khalid Eltigani Elnour berkata, akhbar "As-Sahafi Ad-Dawli" telah menerbitkan satu siri artikel mengenai kedua-dua buku itu dalam Bahasa Arab masing-masing dari Julai hingga Oktober tahun lepas dan dari Mac hingga Mei tahun ini.

"Ini telah menarik perhatian ramai pembaca yang kemudiannya mencadangkan artikel-artikel itu dibukukan," katanya kepada BERNAMA di sini, hari ini.

Dengan edaran harian sebanyak 70,000 naskah, "AS-Sahafi Ad-Dawli" ialah satu daripada akhbar harian utama Sudan dan akhbar itu juga diedarkan di beberapa negara Teluk.

Khalid yang juga ketua pengarang akhbar itu berkata naskah buku itu telah diedarkan kepada Menteri-menteri, perwakilan dan pemerhati yang berada di sini untuk menghadiri sesi ke 27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM).

Khalid berkata, kedua-dua buku itu akan dilancarkan di Sudan pada bulan depan oleh Menteri Luar negara itu Dr Mustafa Osman Ismail.

Buku "A New Deal for Asia" telah diubah tajuknya kepada "The Stolen Future- The Story of Economic Crisis of Asian Tigers" sementara "The Way Forward" diberi tajuk baru "How To Build A Nation - The Story of Malaysian Renaissance".

Khalid berkata, buat permulaan syarikat itu telah mencetak 10,000 naskah dan akan mencetak lebih banyak lagi untuk di edarkan ke negara-negara yang berbahasa Arab.

"Buku-buku ini ditumpukan kepada pemimpin-pemimpin Arab, ahli politik, penuntut dan juga untuk perpustakaan-perpustakaan di seluruh dunia," katanya.

Mengenai kos buku itu, Khalid berkata syarikat itu lebih berminat menyebarkan idea dan pandangan Dr Mahathir kepada masyarakat dunia dan oleh sebab itu ia bukan untuk mencari keuntungan.

Beliau berkata, Dr Mahathir dengan idea dan wawasan jauh telah menjadi satu contoh bukan sahaja kepada negara-negara membangun tetapi juga kepada semua negara di dunia.

"Beliau bukan sahaja tokoh Malaysia, tetapi pemimpin dunia dengan wawasan yang jauh. Saya rasa adalah penting bagi orang-orang Arab mengetahui pandangan dan ideanya," kata beliau.

-- BERNAMA

RV PR